



ANTARA bubu naga dirampas oleh Jabatan Perikanan Selangor.

## Rampas 29 bubu naga, 50kg ikan

AM 9/7/2022 MS. 19

**Tanjong Karang:** Walaupun berulang kali amaran diberikan namun masih ada nelayan menggunakan bubu naga yang diakui menyebabkan kemusnahan benih ikan dan hidupan marin lain.

Terbaru Jabatan Perikanan Selangor merampas 29 bubu naga dipasang individu tidak bertanggungjawab di kawasan perairan daerah ini, pagi semalam.

Semua bubu itu dikesan anggota Cawangan Perlindungan Sumber menerusi

Ops Bubu Naga kira-kira 3.5 batu nautika dari Pantai Tanjong Karang di sini.

Turut dirampas, pelbagai jenis ikan seberat 50 kilogram (kg).

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Mohd Sufian Sulaiman berkata, operasi disertai sepasukan anggota berdasarkan maklumat dan risikan pihaknya.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati semua bubu naga itu ditemui di dalam laut dan tiada tangkapan individu atau bot di-

lakukan.

“Kami berjaya menemui 29 unit bubu naga dengan rampasan pelbagai jenis ikan antaranya ketuka, gelama, sembilang, malong, buntal dan daun baharu.

“Selain itu, bubu naga itu turut berisi sotong kurita dan udang lipan dengan nilai rampasan mencecah RM2,500,” katanya.

Mohd Sufian berkata, semua rampasan dibawa ke Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor untuk tindakan lanjut.